

20 SEP 2002

Belanjawan-Reaksi (Pemimpin Wanita)

BELANJAWAN 2003 MESRA WANITA, KATA PEMIMPIN WANITA

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Beberapa pemimpin wanita hari ini menyifatkan Belanjawan 2003 yang dibentangkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat sebagai belanjawan Mesra Wanita.

Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil berkata adalah sesuatu yang membanggakan apabila kerajaan memberi keutamaan kepada ibu tunggal yang berpendapatan kurang daripada RM600 sebulan untuk memiliki rumah kos rendah secara berkelompok.

"Kami telah lama memohon peruntukan tersebut dan hari ini kami amat berterima kasih kerana Perdana Menteri telah mengambil kira penderitaan dan keperluan ibu tunggal," katanya kepada pemberita di lobi Bangunan Parlimen selepas pembentangan Belanjawan 2003.

Shahrizat juga meluahkan perasaan gembiranya kerana kerajaan telah memberi tambahan cuti kebapaan daripada tiga hari kepada tujuh hari bagi membantu isteri yang bersalin.

Katanya peruntukan sebanyak RM99.1 juta kepada kementerian itu akan digunakan sebaik-baiknya untuk memartabatkan kaum wanita dan memastikan program pembangunan keluarga yang lebih berkesan.

Ketua Pergerakan Wanita Umno Datuk Seri Rafidah Aziz berkata Belanjawan 2003 adalah seimbang kerana ia memberi penekanan kepada semua aspek dalam pembangunan negara.

"Belanjawan kali ini tidak hanya mementingkan sektor ekonomi semata-mata kerana kita sedar bahawa jika sektor sosial tidak diseimbangkan dan dikukuhkan ketahanannya maka apa yang kita capai dalam ekonomi akan dihakis oleh ketegangan sosial," katanya.

Rafidah yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri turut menyifatkan belanjawan itu sebagai usaha meningkatkan ketahanan negara.

Belanjawan itu memberi penekanan bukan sahaja kepada sektor industri, pertanian, Teknologi Komunikasi dan Maklumat (ICT), pendidikan tetapi juga sektor sosial yang memberi perhatian kepada peningkatan ketahanan masyarakat itu, katanya.

Ketua Wanita MCA Datuk Dr Ng Yen Yen menyifatkan Belanjawan 2003 sebagai "penyayang, progresif dan membangun" kerana ia meliputi keseluruhan strata masyarakat.

Dr Ng yang juga adalah Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan berkata daripada aspek ekonomi dan pembangunan, ia menggalakkan penglibatan sektor perniagaan dan swasta dalam aktiviti ekonomi manakala aspek sosial pula, belanjawan itu menjamin kesejahteraan rakyat.

"Cadangan kerajaan untuk menambah cuti kebapaan daripada tiga kepada tujuh hari bagi kakitangan awam lelaki merupakan mesej penting bahawa bapa mempunyai peranan amat penting dalam keluarga," katanya.

-- BERNAMA

SNS ZMN HS RHM